

فجابه فغاره تانه دان كاليين ترغكانو.



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706
3100 – 3115

Fax : 09-6229887



PTG. TR. G/05/1988/06/04 (17)

28 April 2006

30 R'Awal 1427

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
KEMAMAN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Y. Bhg. Dato' / Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 2/2006

**PENYELARASAN PELAKSANAAN DASAR MENGENAI
PENGAMBILAN HASIL HUTAN DARI TANAH KERAJAAN
(STATE LAND)**

1. **TUJUAN:**

Tujuan pekeliling ini adalah bagi memaklumkan bahawa semua agensi yang terlibat dengan pembangunan tanah diminta mendapat Perakuan Pembersihan Hutan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu terlebih dahulu sebelum sesuatu tanah dibangunkan.

2. LATARBELAKANG:

- 2.1. Kerajaan Negeri Terengganu telah memperkenalkan Dasar Mengambil Hasil Hutan Negeri Terengganu 2005 yang berkuatkuasa mulai 1.1.2005. Para 1.2 dalam dasar ini menyatakan seperti berikut:-

“1.2. Pengambilan Hasil Hutan Dalam Hutan Tanah Kerajaan (HTK) ”.

Pengeluaran hasil hutan balak dalam HTK akan dijalankan secara Tender Terbuka kepada pembalak-pembalak yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT).

- 2.2. Walau bagaimanapun ada keadaan (instances) dimana kelulusan-kelulusan yang melibatkan tanah-tanah yang masih berhutan (atau berpokok yang boleh dibuat balak) samada di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) atau tanah kerajaan (tanah yang masih belum diberi hakmilik) untuk tujuan pembangunan seperti pertanian, perlombongan dan sebagainya tidak diikuti oleh pihak-pihak yang terlibat.

3. PENYELARASAN PELAKSANAAN:

- 3.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kertas Bil. 222H/2006 bertarikh 1 Mac 2006 telah bersetuju penyelarasan pelaksanaan dasar mengenai pengambilan hasil hutan dari tanah kerajaan (state land) sebagaimana berikut:-

- i) Semua agensi kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan pembangunan tanah tidak boleh meluluskan pengambilan hasil hutan (kayu / balak) dari tanah-tanah yang masih berstatus hutan simpan atau tanah kerajaan atau tanah rizab yang bukan di dalam kawalan mereka (agensi-agensi tersebut).
- ii) Semua agensi kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan pembangunan tanah perlu mendapatkan Perakuan Pembersihan Hutan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu, sebelum sesuatu kawasan itu dibangunkan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju meminda butiran 2.1 menjadi seperti berikut:-

Pengeluaran hasil hutan balak dalam HTK akan dijalankan secara persetujuan oleh **Lembaga Mengambil Hasil Hutan Negeri** kepada pembalak-pembalak yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT).

4. PENGUATKUASAAN:

Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN ISMAIL)

Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

s.k.

1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Terengganu.
2. Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu. - Sesalinan cabutan keputusan MMKN Bil. 222H/2006 disertakan.
3. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Khidmat Pengurusan)
4. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran)
5. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Kuatkuasa / Galian)
6. Penolong Pengarah Tanah dan Galian ((Tambahsentara)
7. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Ambil Balik/Hasil/Saguhati)
8. Pegawai Sistem Maklumat
9. Pegawai Eksekutif Kanan (Pentadbiran dan Kewangan)
10. Pegawai Eksekutif (Galian)
11. Pegawai Eksekutif (Pelupusan Tanah)
12. Pegawai Eksekutif (Pendaftaran)
13. Pegawai Kanan Petempatan .
14. Pembantu Tadbir Kanan (Pelupusan Tanah)
15. Fail Timbul